

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN
CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memastikan syarikat GLC beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkeelayakan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah mengurangkan kadar rasuah negara yang berada di kedudukan 57 daripada 180 menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dunia.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif yang digariskan di bawah strategik Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, Kerajaan akan memastikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkekeluargaan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah menangani risiko rasuah. Langkah ini diambil melalui pelaksanaan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah menggariskan strategi untuk memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat yang merangkumi syarikat berkepentingan Kerajaan sama ada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

2. Pindaan sedang dibuat ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan" dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja berhubung dasar, prinsip dan peraturan semasa berkaitan pelantikan mana-mana Pengurusan Tertinggi di Badan Berkanun Persekutuan dan anak syarikat termasuklah pelaksanaan tapisan integriti dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan.

Sekian, terima kasih.